

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 10 November 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN KETIGA 2021

**Indeks Volum Perkhidmatan menguncup 7.5 peratus untuk merekodkan
114.2 mata pada suku tahun ketiga 2021**

PUTRAJAYA, 10 November 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Ketiga 2021**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Pada suku tahun ketiga 2021, Indeks Volum Perkhidmatan mengalami penurunan sebanyak -7.5 peratus untuk merekodkan 114.2 mata berbanding 123.4 mata pada suku tahun yang sama tahun lepas (Carta 1). Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, suku ini merupakan suku yang mencabar bagi sektor perkhidmatan.

Mengulas lanjut mengenai laporan tersebut, beliau berkata, “Kejatuhan Indeks Volum Perkhidmatan ini adalah kesan daripada penurunan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, -12.1 peratus, segmen Perkhidmatan Lain, -21.4 peratus dan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan, -3.5 peratus. Walau bagaimanapun, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan meningkat 0.2 peratus untuk mencatatkan indeks volum sebanyak 128.5 mata.”

Segmen yang paling banyak mempengaruhi kejatuhan bagi indeks volum perkhidmatan adalah segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan akibat daripada penurunan subsektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak -11.3 peratus, diikuti oleh subsektor Makanan dan Minuman, -12.1 peratus dan subsektor Penginapan, -53.7 peratus. Pada masa yang sama, segmen ini turut jatuh -4.1 peratus untuk mencatatkan 108.8 mata berbanding suku tahun yang lepas.

Segmen Perkhidmatan Lain merosot -21.4 peratus untuk mencatatkan indeks volum sebanyak 79.9 mata. Kejatuhan ini adalah kesan daripada pertumbuhan negatif oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti, -66.0 peratus dan subsektor Pendidikan Swasta, -7.0 peratus. Bagi perbandingan suku tahunan, segmen ini merekodkan -10.0 peratus bagi suku tahun ketiga tahun 2021.

Pada masa yang sama, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan mengalami kejatuhan -3.5 peratus kepada 119.3 mata berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Kemerosotan ini diakibatkan oleh penurunan subsektor Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan, -15.4 peratus dan subsektor Hartanah, -17.1 peratus. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahunan, segmen ini mencatatkan penurunan -0.9 peratus berbanding suku tahun kedua 2021.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa meskipun berlakunya penurunan dalam indeks volum bagi ketiga-tiga segmen tersebut, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan merekodkan pertumbuhan positif dengan indeks


volum 128.5 mata, meningkat sebanyak 0.2 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan subsektor Maklumat dan Komunikasi sebanyak 6.0 peratus untuk mencatatkan volum indeks sebanyak 153.4 mata.

Ketua Perangkawan Malaysia tersebut turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim bagi sektor ini menguncup sebanyak -5.4 peratus kepada 113.6 mata bagi suku tahun ini. Penurunan ini dipengaruhi oleh kejatuhan sebanyak -7.5 peratus oleh segmen Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dengan 108.4 mata, diikuti oleh Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan, -5.4 peratus dan segmen Perkhidmatan Lain, -14.0 peratus.


Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di **www.mycensus.gov.my** atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah "*Connecting The World With Data We Can Trust*".

**Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahunan,
ST1 2018 – ST3 2021**



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahunan,
ST1 2018 – ST3 2021**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 NOVEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, November 10, 2021



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
THIRD QUARTER 2021**

***Volume Index of Services contracted 7.5 per cent to record 114.2 points
in the third quarter 2021***

PUTRAJAYA, NOVEMBER 10, 2021 - The Department of Statistics, Malaysia today released **Volume Index of Services (2015=100), Third Quarter 2021**. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

In the third quarter of 2021, Volume Index of Services experienced a decrease of -7.5 per cent to record 114.2 points as compared to 123.4 points in the same quarter last year (Chart 1). Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, this quarter was a challenging quarter for the services sectors.

Elaborating further on the report, he said "The fall in the Volume Index of Services this quarter was mainly caused by the drop in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages

and Accommodation segment, -12.1 per cent, Other Services segment, -21.4 per cent and Business Services and Finance segment, -3.5 per cent. However, the Information & Communication and Transportation & Storage segment rose by 0.2 per cent to record a volume index of 128.5 points.”

The segment that largely influenced the fall in the index volume of services was Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which fell as a consequence to the decrease in Wholesale & Retail Trade sub-sector by -11.3 per cent, followed by Food & Beverages sub-sector, -12.1 per cent and Accommodation sub-sector, -53.7 per cent. On the same note, this segment also declined by -4.1 per cent to record 108.8 points as compared to the previous quarter.

Other Services segment decreased by -21.4 per cent to record a volume index of 79.9 points. This fall was affected by the negative growth of Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities sub-sector, -66.0 per cent and Private Education sub-sector, -7.0 per cent. For quarterly comparison, this segment recorded -10.0 per cent in the third quarter of 2021.

Similarly, Business Services and Finance segment experienced a decrease of -3.5 per cent to 119.3 points as compared to the same quarter last year. This fall was caused by the drop in Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services sub-sector, -15.4 per cent and Real Estate sub-sector, -17.1 per cent. Meanwhile, on a quarterly basis, this segment registered a decrease of -0.9 per cent when compared to the second quarter of 2021.


Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that despite the decline in volume index by the said three segments, Information & Communication and Transportation & Storage segment recorded a positive growth with an index volume of 128.5 points, an increase of 0.2 per cent as compared to the same quarter of previous year. This improvement was contributed by the increase in Information and Communication sub-sector by 6.0 per cent to record an index volume of 153.4 points.

The Chief Statistician Malaysia also informed that the seasonally adjusted volume index of services of this sector experienced a contraction by -5.4 per cent to 113.6 points for this quarter. This was led by a drop of -7.5 per cent by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment with 108.4 points, followed by Business Services and Finance, -5.4 per cent and Other Services segment, -14.0 per cent.


*The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at **www.mycensus.gov.my** or social media **@MyCensus2020** for more info.*

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

**Chart 1: Volume Index of Services and Percentage Change Yearly,
Q1 2018 – Q3 2021**



**Chart 2: Volume Index of Services and Percentage Change Quarterly,
Q1 2018 – Q3 2021**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

10 NOVEMBER 2021